

D.R. 39/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. (1) Seksyen 3 Akta Profesion Undang-Undang 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong takrif "Fakulti", "Jawatankuasa Penyiasatan" dan "Jawatankuasa Tatatertib". Pindaan seksyen 3 Akta 166

(2) Apa-apa sebutan mengenai takrif "Jawatankuasa Tatatertib" atau "Jawatankuasa Penyiasatan" di mana-mana jua ia terdapat dalam Akta ibu hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai istilah "Lembaga Tatatertib".

Pindaan
seksyen 15.

3. Subseksyen (3) seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "dan" di akhir perenggan (d);
- (b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (e) dengan koma bertitik; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (e), perenggan baru (f) dan (g) yang berikut:
 - "(f) salinan-salinan benar bagi apa-apa keterangan dokumen yang menunjukkan bahawa ia adalah sama ada seorang warganegara Persekutuan atau seorang pemastautin tetap Malaysia; dan
 - (g) salinan-salinan benar bagi apa-apa keterangan dokumen bahawa dia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia."

Pindaan
seksyen 67.

4. Seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

"(2) Mana-mana mesyuarat agung, sama ada dipanggil atas permintaan ahli-ahli menurut seksyen 65 (2) atau dipanggil menurut seksyen 65 (4), hendaklah dibubarkan jika tidak ada kuorum dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat."

Pindaan
seksyen 68.

5. Seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (3), subseksyen baru (4), (5) dan (6) yang berikut:

"(4) Ahli-ahli yang menjalankan amalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah berhak menubuhkan bar yang berasingan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bernama Bar Kuala Lumpur. Keputusan untuk mengadakan bar yang berasingan hendaklah dibuat melalui undi majoriti ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat agung yang dipanggil bagi maksud itu.

(5) Pada masa penubuhan Bar Kuala Lumpur mana-mana ahli yang telah membayar yuran tahunan bagi tahun kalendar iu kepada Jawatankuasa Bar Negeri Selangor tidaklah dikehendaki membayar satu lagi yuran tahunan bagi tahun yang sama kepada Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur.

(6) Aset Bar Negeri Selangor, yang lazim dikenali sebagai Bar Selangor dan Wilayah Persekutuan, hendaklah, apabila tertubuhnya Bar Kuala Lumpur, dibahagikan di antara Bar Negeri Selangor dengan Bar Kuala Lumpur menurut kadar keahlian masing-masing dalam keahlian Bar gabungan terdahulu."

6. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 70.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Jawatankuasa Bar Negeri hendaklah menyebabkan disediakan dan dibentangkan di mesyuarat agung tahunan—

(a) suatu laporan tentang aktiviti-aktiviti Bar Negeri dalam tempoh jawatannya; dan

(b) akaun yang sempurna, yang telah diaudit sewajarnya, bagi segala wang, harta dan aset Bar Negeri bagi dua belas bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember sebelum sahaja mesyuarat agung itu."

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

"(2) Dalam tiap-tiap mesyuarat agung tahunan, Pengerusi Jawatankuasa Bar Negeri hendaklah mernpengerusikan mesyuarat dan sekiranya dia tidak hadir, ahli yang paling kanan yang sanggup hendaklah mernpengerusikannya, dan kuorum ialah satu pertiga daripada jumlah bilangan ahli Bar Negeri itu.

Jika tidak ada kuorum dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang sama dalam minggu yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika ahli-ahli diberitahu selainnya oleh Jawatankuasa Bar Negeri."

Pindaan
seksyen 70A.

7. Seksyen 70A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen (6) baru yang berikut:

"(6) Mana-mana mesyuarat agung yang dipanggil di bawah subseksyen (3) atau (5) hendaklah dibubarkan jika tidak ada kuorum dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat."

Pindaan
seksyen 71.

8. Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (6) yang berikut:

"(6) Jika pemisahan berlaku menurut peruntukan-peruntukan seksyen ini, aset Bar gabungan terdahulu hendaklah dibahagikan sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (6) seksyen 68 *mutatis mutandis*".

Seksyen
baru 78A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 78, seksyen baru 78A seperti berikut:

"Kuas
untuk
membuat
kaedah-
kaedah
mengenai
identiti
profesional.
78A. (1) Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan pengambilan indemniti profesional bagi peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional dan kaedah-kaedah itu boleh bagi maksud mengadakan indemniti itu melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

(a) memberikuasa Majlis Peguam untuk mengambil dan menyenggara insurans

atas nama Bar Malaysia dengan mana-mana orang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan insurans liabiliti profesional atau perniagaan insurans kerugian wang dan meliputi tiap-tiap peguambela dan peguamcara yang menjalankan amalan;

- (b) memberikuasa Majlis Peguam untuk menubuhkan dan menyenggara suatu kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang bagi maksud yang disebut terdahulu; atau
 - (c) menghendaki peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara mengambil dan menyenggara insurans.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh—

- (a) menentukan terma-terma dan syarat-syarat yang berdasarkan indemniti profesional akan boleh didapati;
- (b) mengadakan peruntukan bagi penguurusan, pentadbiran dan perlindungan mana-mana kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dan menghendaki peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara membuat pembayaran kepada mana-mana kumpulan wang sedemikian;
- (c) menghendaki peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara membuat pembayaran melalui cara premium atas apa-apa polisi yang diambil di bawah subseksyen (1) dan mengadakan peruntukan bagi prosiding-prosiding oleh Bar Malaysia atau penanggung-penanggung insuransnya terhadap mana-mana peguarabela dan peguamcara yang gagal berbuat demikian untuk

mendapatkan premium-premium yang berkenaan;

- (d) menetapkan syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh sesuatu polisi insurans bagi maksud subseksyen (1) (c);
 - (e) memberikuasa Majlis Peguam untuk menentukan amaun apa-apa pembayaran yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah itu;
 - (f) menentukan hal-keadaan dalam mana jika seseorang peguambela dan peguamcara telah gagal untuk mematuhi kaedah-kaedah itu, prosiding-prosiding berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar melalui indemniti boleh diambil terhadapnya oleh Bar Malaysia atau penanggung-penanggung insuransnya;
 - (g) menetapkan bahawa seseorang peguambela dan peguamcara tidaklah berhak mendapat Sijil Tahunan melainkan jika dia telah mengambil insurans sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah itu bagi tempoh yang berhubungan dengan Sijil Tahunan itu;
 - (h) memberikan kuasa kepada Majlis Peguam untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk menentukan dan memastikan bahawa kaedah-kaedah itu dipatuhi; dan
 - (i) mengandungi apa-apa peruntukan yang bersifat prosedur, yang bersampingan atau yang lainnya sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat bagi maksud-maksud kaedah-kaedah itu.
- (3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh hak mana-mana peguambela dan peguamcara, sebagai tambahan kepada

indentiti yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, untuk menginsuranskan dirinya selanjutnya terhadap apa-apa kerugian yang berbangkit akibat daripada apa-apa tuntutan yang mungkin dimulakan terhadapnya.

(4) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.",

10. Seksyen 88A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 88A.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Majlis Peguam fikirkan bahawa adalah" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "bagi kepentingan awam atau"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Jawatankuasa Penyiasatan" dalam subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan "Lembaga Tatatertib".

11. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102 dan 103 dengan seksyen 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 103A, 103B, 103c, 103D, 103E, 103F dan 103G baru yang berikut:

Pindaan
seksyen 93
hingga 103.

"Lembaga
Tatatertib. 93. (1) Bagi maksud-maksud prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Tatatertib.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang sama sebagaimana yang dijalankan oleh Majlis Peguam sebelum Bahagian ini mula berkuatkuasa.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) pengerusi Lembaga Tatatertib yang dilantik oleh Hakim Besar dan orang itu hendaklah seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung, seorang

Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung yang telah bersara atau mana-mana orang lain yang layak menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung:

Dengan syarat bahawa dalam hal apabila seorang Hakim Mahkamah Agung hendak dilantik sebagai pengerusi, perlantikan itu hendaklah dibuat oleh Hakim Besar selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara;

- (b) Yang Dipertua Majlis Peguam dengan Naib Yang Dipertua sebagai silih-gantinya; dan
- (c) lima belas orang ahli pengamal yang sudah menjadi peguambela dan peguamcara tidak kurang daripada lima belas tahun yang dilantik oleh Hakim Besar selama tempoh dua tahun:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar boleh melanjutkan tempoh jawatan mereka selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun lagi atau melantik mereka semula.

(4) Kuorum Lembaga Tatatertib ialah tujuh orang ahli dan daripadanya seorang ahli hendaklah daripada perenggan (a), seorang ahli daripada perenggan (b) dan lima orang ahli daripada perenggan (c) subseksyen (3).

(5) Setiausaha Lembaga Tatatertib hendaklah menjadi seorang pekerja sepenuh masa Majlis Peguam yang dilantik di bawah seksyen 98 dan orang itu hendaklah seorang peguambela dan peguamcara yang sudah menjadi peguambela dan peguamcara tidak kurang daripada lima tahun.

(6) Lembaga Tatatertib boleh membuat kaedah-kaedah berhubungan dengan kuorumnya dan untuk mengawal prosedurnya.

Kuasa Lembaga Tatatertib untuk memotong daripada Daftarai, meng-gantung kerana salah laku, dsb.

94. (1) Semua peguambela dan peguamcara adalah tertakluk bagi maksud-maksud semua tindakan tatatertib kepada pengawalan Lembaga Tatatertib,

(2) Mana-mana peguambela dan peguamcara yang melakukan salah laku boleh dipotong daripada Daftarai atau digantung daripada menjalankan amalan bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

(3) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, "salah laku" ertinya kelakuan atau ketinggalan untuk bertindak di Malaysia atau di tempat lain oleh seseorang peguambela dan peguamcara atas sifat profesionalnya atau selainnya yang dikira sebagai perbuatan tidak patut yang serius dan termasuk—

- (a) sabitan atas kesalahan jenayah yang menjadikan dia tidak layak menjadi ahli profesionnya;
- (b) pelanggaran kewajipan kepada mahkamah termasuk apa-apa kegagalannya mematuhi sesuatu akujanji yang diberikan kepada mahkamah;
- (c) kelakuan curang atau fraud dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (d) pelanggaran apa-apa kaedah amalan dan etika profesion yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah Akta ini atau selainnya;
- (e) dihukum menjadi bankrap dan didapati bersalah atas mana-mana perbuatan atau ketinggalan yang tersebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k) atau (l) seksyen 33 (6) Akta Kebankrapan 1967;
- (f) menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan bagi dirinya

sendiri atau bagi mana-mana peguambela dan peguamcara lain;

- (g) secara langsung atau tidak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya sendiri atau mana-mana peguambela dan peguamcara lain melalui atau atas arahan daripada mana-mana orang yang kepadanya apa-apa saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberikan olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan akan diberikan;
- (h) menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui penarik langganan;
- (i) membenarkan mana-mana orang yang tidak diberi kebenaran menjalankan urusan perundangan atas namanya tanpa kawalan langsung dan rapat olehnya selaku ketua atau tanpa penyeliaan yang sepatutnya;
- (j) menjalankan sendiri, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan yang tidak bersesuaian dengan profesion undang-undang atau diambil bekerja untuk ganjaran atau selainnya dalam apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan itu;
- (k) pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau apa-apa arahan atau keputusan Majlis Peguam;
- (l) dipecat, dipotong daripada Daftarai, digantung atau dicela atas sifatnya sebagai pengamal undang-undang di mana-mana negara lain atau melakukan perbuatan salah laku yang boleh menyebabkan dia dihukum di mana-mana negara lain;

PROPESSION UNDANG-UNDANG (PINDAAN)11

- (m) mengenakan, tanpa perjanjian bertulis, berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada klien, fee atau kos yang terlalu berlebihan memandangkan semua hal keadaan;
 - (n) terlalu mengabaikan kepentingan-kepentingan kliennya; dan
 - (o) melakukan apa-apa kelakuan yang tidak sepadan dengan seorang peguambela dan peguamcara atau yang menyebabkan atau dijangka akan menyebabkan profesion undang-undang dipandang hina.
- (4) Jika seorang peguambela dan peguamcara—
- (a) telah didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, penyalahgunaan atau pelepasan apa-apa wang atau harta klien atau mana-mana orang lain;
 - (b) telah dipecat, dipotong daripada Daftarai, digantung atau dicela atas sifatnya sebagai seorang pengamal undang-undang di mana-mana negara lain;
 - (c) menjadi bahan sesuatu aduan mengenai apa-apa perbuatan curang yang telah dilakukannya atas sifatnya sebagai seorang peguambela dan peguamcara;
 - (d) telah meninggalkan negara atau telah tidak hadir di pejabatnya dalam keadaan yang sedemikian rupa sehingga Majlis Peguam semunasabahnya boleh menganggap bahawa dia telah melarikan diri; atau
 - (e) adalah selainnya tidak berupaya disebabkan kelemahan tubuh atau akal atau apa-apa sebab lain untuk

melaksanakan dengan berkesan fungsi-fungsi seorang peguambela dan peguamcara,

dan Majlis Peguam berpendapat bahawa adalah bagi kepentingan awam atau kepentingan klien-kliennya atau kepentingan profesionnya bahawa peguambela dan peguamcara itu digantung daripada menjalankan amalan, Majlis Peguam boleh memohon kepada Lembaga Tatatertib untuk mendapatkan perintah menggantung peguambela dan peguamcara itu daripada menjalankan amalan sehingga notis selanjutnya.

(5) Seorang pelatih adalah *mutatis mutandis* tertakluk kepada pengawalan yang sama daripada Lembaga Tatatertib sepertimana yang, menurut kuasa seksyen ini, dilaksanakan terhadap peguambela dan peguamcara tetapi sebagai ganti perintah yang memotongnya daripada Daftarai atau menggantungnya, suatu perintah boleh dibuat menghalang pelatih itu daripada mempetisyen Mahkamah untuk diterima masuk sehingga selepas tarikh yang hendaklah dinyatakan dalam perintah itu.

Panel
Jawatan-
kuasa
Tatatertib
dan Panel
Tribunal
Penyiasatan.

95. Bagi maksud-maksud prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Panel Jawatankuasa Tatatertib dengan suatu Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawahnya dan suatu Panel Tribunal Penyiasatan dengan suatu Tribunal Penyiasatan yang ditubuhkan di bawahnya.

Perlantikan
Panel
Jawatan-
kuasa
Tatatertib.

96. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah, dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, melantik suatu Panel Jawatankuasa Tatatertib, daripada senarai yang diberikan oleh Majlis Peguam, yang terdiri daripada tiga puluh orang ahli yang daripadanya dua puluh orang ahli ialah

(2) Pengarah itu hendaklah bertugas sebagai Setiausaha kepada Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib dan Tribunal Penyiasatan.

(3) Majlis Peguam hendaklah bertanggungjawab bagi saraan Pengarah itu dan hendaklah mempunyai kuasa untuk membatalkan perlantikannya.

(4) Pengarah itu hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran harian aduan-aduan terhadap peguambela dan peguamcara di bawah Bahagian ini.

Aduan-aduan terhadap peguambela dan peguamcara atau pelatih.

99. (1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan mana-mana peguambela dan peguamcara atau mana-mana pelatih hendaklah secara bertulis dan hendaklah pada mulanya dibuat atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib yang akan mengendalikan aduan itu mengikut apa-apa kaedah yang dibuat dari semasa ke semasa di bawah peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

(2) Mana-mana mahkamah, Hakim, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret atau Peguam Negara boleh pada bila-bila masa merujuk kepada Lembaga Tatatertib apa-apa aduan yang dibuat terhadap seseorang peguambela dan peguamcara atau pelatih.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dikira menghalang Majlis Peguam atau Jawatankuasa Bar Negeri daripada membuat apa-apa aduan atas usulnya sendiri kepada Lembaga Tatatertib terhadap seseorang peguambela dan peguamcara atau pelatih.

Tribunal Penyiasatan.

100. (1) Jika sesuatu permohonan atau aduan bertulis dirujuk kepada Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib itu hendaklah dengan serta-merta menubuhkan suatu Tribunal Penyiasatan.

(2) Sesuatu Tribunal Penyiabatan yang akan dilantik oleh Lembaga Tatatertib untuk menyiasat permohonan atau aduan itu hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli iaitu—

(a) dua orang peguambela dan peguamcara; dan

(b) seorang ahli biasa,

yang dilantik daripada Panel Tribunal Penyiabatan.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah melantik seorang ahli daripada perenggan (a) subseksyen (2) menjadi pengerusi Tribunal Penyiabatan tersebut.

Penyiabatan. 101. (1) Sesuatu Tribunal Penyiabatan hendaklah, dalam masa dua minggu selepas perlantikannya, memulakan penyiabatannya terhadap permohonan atau aduan itu dan melaporkan dapatannya kepada Lembaga Tatatertib dengan seberapa segera yang semunasabahnya boleh diharapkan daripadanya, tetapi, biar bagaimanapun jua, tidak lewat daripada dua bulan selepas bermulanya penyiabatan itu.

(2) Bagi maksud apa-apa penyiabatan, Tribunal Penyiabatan boleh—

(a) meminta atau mengambil kerja mana-mana orang untuk membuat atau membantu dalam membuat apa-apa jua penyiabatan permulaan yang difikirkannya perlu;

(b) menghendaki dikemukakan untuk pemeriksaan oleh Tribunal Penyiabatan atau mana-mana orang yang diambil kerja di bawah perenggan (a) apa-apa buku, dokumen atau kertas yang ada hubungan atau kaitan dengan hal-perkara penyiabatan itu dan boleh

menghendaki mana-mana orang memberikan maklumat berhubungan dengan buku, dokumen atau kertas itu; dan

- (c) menghendaki orang yang berkenaan memberikan segala maklumat berhubungan dengan mana-mana buku, dokumen atau kertas sedemikian yang mungkin semunasabahnya dikehendaki oleh Tribunal Penyiasatan atau oleh orang yang diambil kerja di bawah perenggan (a).

(3) Mana-mana peguambela dan peguamcara dan mana-mana orang lain yang tanpa alasan yang sah enggan atau gagal mengemukakan kepada Tribunal Penyiasatan atau kepada mana-mana orang yang diambil kerja oleh Tribunal Penyiasatan bagi maksud penyiasatan mana-mana buku, dokumen atau kertas atau gagal memberikan apa-apa maklumat berhubungan dengannya di bawah perenggan (h) atau (c) subseksyen (2) adalah meyakinkan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(4) Sebelum Tribunal Penyiasatan memulakan pendengarannya berkenaan dengan apa-apa perkara—

- (a) Tribunal Penyiasatan hendaklah menghantar melalui pos atau menyerahkan kepada peguambela dan peguamcara yang berkenaan—
- (i) suatu salinan apa-apa permohonan atau aduan bertulis dan juga apa-apa akuan berkanun atau affidavit yang telah dibuat bagi menyokong permohonan atau aduan itu; dan
 - (ii) suatu notis menjemput peguambela dan peguamcara yang berkenaan, dalam apa-apa, tempoh (yang tidak kurang daripada empat

belas hari) yang dinyatakan dalam notis, untuk memberi Tribunal Penyiabatan apa-apa penjelasan bertulis yang ingin dikemukakan dan memberitahu Tribunal Penyiabatan sekiranya dia ingin didengar oleh Tribunal Penyiabatan itu; dan

- (b) Tribunal Penyiabatan hendaklah membiarkan masa yang ditetapkan dalam notis itu berlalu dan memberi peguambela dan peguamcara yang berkenaan peluang yang munasabah untuk didengar jika dia berhasrat sedemikian dan hendaklah memberikan pertimbangan yang wajar kepada apa-apa penjelasan yang mungkin dibuatnya.

Pertimbangan
Lembaga
Tatatertib
tentang
laporan
oleh
Tribunal
Penyiabatan.

102. (1) Tribunal Penyiabatan hendaklah memutuskan dan mengesyorkan kepada Lembaga Tatatertib mana-mana satu daripada syor yang berikut:

- (a) bahawa penyiabatan formal tidaklah perlu;
- (b) bahawa tiada sebab yang cukup berat wujud bagi penyiabatan formal tetapi peguambela dan peguamcara itu hendaklah diperintahkan membayar penalti; atau
- (c) bahawa patut diadakan suatu penyiabatan formal oleh Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Jika Tribunal Penyiabatan dalam laporannya mengesyorkan—

- (a) bahawa patut diadakan suatu penyiabatan formal, maka Lembaga Tatatertib hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Tatatertib; atau

(b) bahawa suatu penyiasatan formal oleh Jawatankuasa Tatatertib tidaklah perlu, maka Lembaga Tatatertib boleh, jika ia tidak bersetuju dengan syor itu, melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu peguambela dan peguamcara itu dan orang yang membuat permohonan atau aduan itu tentang cara ia telah memutuskan permohonan atau aduan itu dan sekiranya keputusannya ialah bahawa suatu penyiasatan formal tidak perlu, Lembaga Tatatertib hendaklah atas permintaan orang itu memberinya sebab-sebabnya secara bertulis.

Kuasa
Lembaga
Tatatertib
untuk
meme-
rinlahkan
penalti.

103. (1) Jika Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa tiada sebab yang cukup berat wujud bagi membuat sesuatu penyiasatan formal tetapi memutuskan bahawa peguambela dan peguamcara itu hendaklah diperintahkan membayar penalti ia boleh memerintahkan peguambela dan peguamcara itu membayar penalti yang tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(2) Sebelum Lembaga Tatatertib membuat perintah bagi pembayaran penalti di bawah seksyen ini, ia hendaklah memberitahu peguambela dan peguamcara yang berkenaan tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberinya peluang yang munasabah untuk didengar.

Permohonan
untuk
melantik
Jawatan-
kuasa
Tatatertib.

103A. Jika—

(a) Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa hendaklah diadakan suatu penyiasatan formal; atau

(b) seorang peguambela dan peguamcara telah disabitkan atas kesalahan pecah amanah jenayah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan atau apa-apa

N.M.B.
Bab 45.

kesalahan lain yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau

- (c) peguambela dan peguamcara itu telah digantung di bawah seksyen 94 (4) Bahagian ini,

Lembaga Tatatertib hendaklah dengan sertamerta melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib yang akan mendengar dan menyiasat perkara itu.

Jawatan-
kuasa
Tatatertib.

103B. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib untuk menimbangkan, dalam hal-hal apabila suatu Tribunal Penyiasatan telah dilantik, laporan Tribunal Penyiasatan itu, atau untuk menyiasat dan membuat syor kepada Lembaga Tatatertib berkenaan dengan hal-hal di bawah seksyen 103A.

(2) Sesuatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada lima orang ahli iaitu—

(a) tiga orang peguambela dan peguamcara; dan

(b) dua orang ahli biasa,

yang dilantik daripada Panel Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah melantik seorang ahli daripada perenggan (a) subseksyen (2) menjadi pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

Dapatan
Jawatan-
kuasa
Tatatertib.

103c. (1) Selepas mendengar dan menyiasat apa-apa perkara yang dirujuk kepada, sesuatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah merekodkan dapatannya berhubung dengan fakta-fakta kes itu dan mengikut fakta-fakta tersebut hendaklah memutuskan dan membuat mana-mana satu daripada syor yang berikut kepada Lembaga Tatatertib:

- (a) bahawa tiada sebab yang cukup berat wujud bagi tindakan tatatertib;

- (b) bahawa walaupun tiada sebab yang cukup berat wujud bagi tindakan tatatertib peguambela dan peguamcara itu patut dicela; atau
- (c) bahawa terdapat merit yang cukup dalam aduan itu dan bahawa peguambela dan peguamcara itu hendaklah dikenakan salah satu daripada tindakan tatatertib yang berikut:
 - (i) pengenaan denda ke atas peguambela dan peguamcara itu sebanyak yang difikirkan adil oleh Jawatankuasa Tatatertib;
 - (ii) penggantungan peguambela dan peguamcara yang berkenaan daripada menjalankan amalan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Tatatertib memandangkan hal keadaan itu; atau
 - (iii) pemotongan peguambela dan peguamcara yang berkenaan daripada Daftarai.

Pertimbangan oleh Lembaga Tatatertib akan laporan Jawatankuasa Tatatertib.

103D. (1) Selepas menimbangkan laporan Jawatankuasa Tataterib, Lembaga Tatatertib hendaklah membuat suatu perintah—

- (a) yang mengesahkan syor-syor Jawatankuasa Tatatertib; dan
- (b) boleh sama ada menerima syor-syor Jawatankuasa Tatatertib tentang hukuman yang akan dikenakan atau, dalam kes-kes luar biasa, mengenakan hukuman yang lebih berat.

(2) Sebelum Lembaga Tatatertib membuat sesuatu perintah dan mengenakan sesuatu hukuman di bawah seksyen ini yang mengakibatkan hukuman yang lebih berat ia hendaklah memberitahu peguambela dan

peguamcara yang berkenaan tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberinya peluang yang munasabah untuk didengar.

Rayuan dan pada keputusan Lembaga Tatatertib.

103E. (1) Mana-mana pihak yang terkilan dengan apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib berhak merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam masa sebulan selepas pemberitahuan keputusan atau perintah yang dimusykilkan itu.

(2) Rayuan itu hendaklah ditetapkan untuk didengar di hadapan tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi.

(3) Mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi berhak merayu kepada Mahkamah Agung dalam masa satu bulan selepas keputusan Mahkamah Tinggi.

(4) Majlis Peguam boleh atas budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

103F. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah, dari semasa ke semasa, membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia prosedur berkenaan dengan prosiding tatatertib.

(2) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini tidak boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

Peruntukan kecualian dan peralihan.

103G. (1) Penggantian peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan prosiding tatatertib oleh Akta ini tidaklah menyentuh apa-apa permohonan, aduan atau prosiding tatatertib yang belum diputuskan pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan prosiding tatatertib hendaklah terus berkuatkuasa."

- Pindaan seksyen 108. 12. Seksyen 108 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan ", Jawatankuasa Penyiasat dan Jawatankuasa Tatatertib" dengan perkataan-perkataan "dan kos prosiding di hadapan Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib",
- Pindaan seksyen 109. 13. Seksyen 109 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Bar Negeri atau Jawatankuasa Penyiasatan" dengan perkataan-perkataan "Tribunal Penyiasatan atau Jawatankuasa Tatatertib".
- Pindaan seksyen 110. 14. Seksyen 110 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "bertulis orang itu," dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan "Tribunal Penyiasatan atau".
- Pindaan seksyen 111. 15. Seksyen 111 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Bar Negeri, Bar Malaysia, Majlis Peguam atau Jawatankuasa Penyiasatan" dengan perkataan-perkataan "Tribunal Penyiasatan, Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib, Bar Malaysia atau Majlis Peguam".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta dengan memotong takrif tiga istilah, iaitu, "Fakulti", "Jawatankuasa Penyiasatan" dan "JawatankuasaTatatertib". Ia adalah suatu pindaan berbangkit.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 15 (3) dengan memasukkan perenggan baru (*f*) dan (*g*). Ia memperuntukkan bahawa apa-apa permohonan kepada Mahkamah untuk diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara hendaklah disokong oleh keterangan-keterangan dokumen yang menyatakan bahawa pemohon ialah seorang Warganegara Persekutuan atau pemastautin tetap Malaysia dan telah lulus atau telah dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Pindaan ini akan memberikan kuatkuasa statutori kepada amalan yang sedia ada.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 67 (2) untuk memperuntukkan bahawa mana-mana mesyuarat agung yang dipanggil di bawah seksyen 65 (2) atau (4) hendaklah dibubarkan jika tidak ada kuorum dalam masa setengah jam dari tempoh yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu. Di bawah seksyen 67 (2) yang sedia ada mesyuarat itu hendaklah ditunda ke minggu hadapan yang berikutnya jika tidak ada kuorum. Pindaan baru ini dibuat untuk mengelakkan kesusahan dan perbelanjaan untuk memanggil suatu mesyuarat kedua jika tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada ahli-ahli.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 68 untuk mengadakan peruntukan bagi pemisahan Bar Negeri Selangor dan Bar Wilayah Persekutuan yang sekarang ini bergabung, menjadi Bar Kuala Lumpur dan Bar Negeri Selangor. Negeri Selangor sekarang ini sudahpun mempunyai Mahkamah Tingginya sendiri di Shah Alam dan, oleh yang demikian, Bar Negeri Selangor berhasrat untuk berpisah daripada Bar Wilayah Persekutuan. Seksyen 71 membenarkan pemisahan Bar yang bergabung tetapi ia tidak terpakai bagi Bar Negeri Selangor dan Bar Wilayah Persekutuan disebabkan oleh peruntukan-peruntukan seksyen 68 (3).

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 70 dengan memasukkan subseksyen (1A) baru untuk mengadakan peruntukan bagi Jawatankuasa Bar Negeri memberikan laporan tahunan kepada ahli-ahli dan mengemukakan akaun-akaun teraudit tahunan. Pindaan ini adalah selaras dengan amalan sekarang. *Fasal 6* juga bertujuan meminda subseksyen (2) untuk memperuntukkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Bar Negeri hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tahunan. Ia selanjutnya mengadakan peruntukan bagi penundaan mesyuarat jika tidak ada kuorum.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 70A(6) Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mana-mana mesyuarat agung yang dipanggil di bawah subseksyen (3) atau (5) seksyen yang sama dibubarkan jika tidak ada kuorum. Ia membuat peruntukan bagi Bar Negeri mengikut cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi Bar Malaysia dalam *fasal 4*.

8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 71 dengan memasukkan subseksyen (6) baru untuk mengadakan peruntukan bagi pembahagian aset Bar gabungan sekiranya berlaku pemisahan.

9. *Fasal 9* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen 78A baru untuk memberikan kuasa kepada Majlis Peguam, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan skim insurans indemniti profesional terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional.

10. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 88A untuk mengadakan peruntukan bagi penggantungan seseorang peguambela dan peguamcara demi kepentingan awam dalam hal keadaan yang disenaraikan satu persatu dalam seksyen yang sama.

11. *Fasal 11* bertujuan meminda Akta dengan menggantikan seksyen 93 hingga 103 dengan seksyen baru 93 hingga 103c. Prosedur tatatertib yang sedia ada bagi peguambela dan peguamcara adalah tidak praktikal, menyebabkan banyak kelewatan dan melibatkan kerja-kerja yang berulang-ulang di pelbagai peringkat pihak berkuasa. Dari segi amalan adalah mustahil untuk menepati had tempoh yang diperuntukkan oleh Akta. Pindaan-pindaan yang bertujuan dibuat *oleh fasal 11* akan memudahkan prosedur tatatertib dan banyak menjimatkan masa yang terlibat dalam penyiasatan sesuatu permohonan atau aduan.

Perkara-perkara yang lebih utama berkenaan dengan seksyen-seksyen baru yang dicadangkan adalah seperti yang berikut :

Seksyen 93 membuat peruntukan bagi penubuhan Lembaga Tatatertib.

Semua perkara yang berhubungan dengan prosiding tatatertib adalah sekarang ini dipindahkan daripada Majlis Peguam kepada suatu badan yang ditubuhkan di bawah Akta ini yang dinamakan Lembaga Tatatertib. Lembaga Tatatertib itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang dilantik oleh Hakim Besar.

Seksyen 94 menetapkan bahawa semua peguambela dan peguamcara adalah tertakluk kepada pengawalan Lembaga Tatatertib. "Salah laku" dihuraikan secara terperinci dalam seksyen yang sama.

Seksyen 95 membuat peruntukan bagi penubuhan Panel Jawatankuasa Tatatertib dan Panel Tribunal Penyiasatan. Jawatankuasa Tatatertib dan Tribunal Penyiasatan akan ditubuhkan masing-masingnya di bawah kedua-dua Panel itu.

Peruntukan-peruntukan juga dibuat di bawah Akta bagi penyertaan orang-orang biasa dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan prosiding tatatertib.

Seksyen 96 membuat peruntukan bagi perlantikan Panel Jawatankuasa Tatatertib.

Seksyen 97 membuat peruntukan bagi perlantikan Panel Tribunal Penyiasatan.

Seksyen 98 mewujudkan jawatan Pengarah Urusetia Aduan.

Seksyen 99 adalah mengenai aduan-aduan terhadap peguambela dan peguamcara atau pelatih.

Seksyen 100 mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Tribunal Penyasatan yang telah ditubuhkan di bawah Panel Tribunal Penyasatan.

Seksyen 101 mengadakan peruntukan bagi peranan Tribunal Penyasatan dalam prosedur tatatertib. Ia menyiasat sesuatu permohonan atau aduan dan melaporkan dapatannya kepada Lembaga Tatatertib.

Di bawah seksyen 102 Lembaga Tatatertib menimbangkan laporan Tribunal Penyasatan. Ia hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Tatatertib jika penyasatan formal disyorkan oleh Tribunal Penyasatan. Seksyen yang sama juga mengadakan peruntukan bagi Lembaga Tatatertib memberitahu peguambela dan peguamcara yang berkenaan tentang hasil penyasatan yang dibuat oleh Tribunal Penyasatan.

Seksyen 103 mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga Tatatertib memerintahkan penalti yang relevan.

Seksyen 103A mengadakan peruntukan bagi keadaan apabila Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa suatu penyasatan formal terpaksa dibuat berkenaan dengan aduan terhadap peguambela dan peguamcara. Dalam hal sedemikian suatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dilantik di bawah seksyen 103B.

Seksyen 103c menerangkan peranan dan kuasa-kuasa Jawatankuasa Tatatertib. Ia juga mengadakan peruntukan bagi berbagai-bagai tindakan tatatertib yang boleh disyorkan supaya diambil berkenaan dengan peguambela dan peguamcara yang berkenaan.

Seksyen 103D mengadakan peruntukan bagi penimbangan oleh Lembaga Tatatertib akan laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib. Lembaga Tatatertib hendaklah mengesahkan syor-syor Jawatankuasa Tatatertib atau mengenakan hukuman yang lebih berat. Dalam hal yang disebutkan kemudian, peguambela dan peguamcara yang berkenaan hendaklah diberitahu dan diberi peluang yang munasabah untuk didengar oleh Lembaga Tatatertib.

Seksyen 103E mengadakan peruntukan bagi rayuan-rayuan yang hendak dibuat oleh pihak yang terkilan kepada Mahkamah Tinggi dan kemudiannya kepada Mahkamah Agung.

Seksyen 103F memberikan kuasa kepada Lembaga Tatatertib untuk membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia prosedur berkaitan dengan prosiding tatatertib.

Seksyen 103G ialah suatu peruntukan kecualian berkenaan dengan semua perkara dan prosiding tatatertib yang masih belum diputuskan.

12. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 108 untuk memberikan kuasa kepada Mahkamah membuat perintah berkenaan dengan kos prosiding di hadapan Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib.

13. *Fasal 13, 14 dan 75* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen 109, 110 dan 111 Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1628.]